



Ruj. Kami : ANM.JB(T)/195 Jld.10(14)
Tarikh : 27 November 2020
11 Rabiulakhir 1442H

Tuan/Puan,

**IKLAN JAWATAN KOSONG PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) BAGI JAWATAN
PEMBANTU TADBIR KEWANGAN GRED W19 DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA NEGERI JOHOR**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan berikut:-

1. (a) **JAWATAN** : Pembantu Tabdbir Kewangan Gred W19
 - (b) **TARAF JAWATAN** : Pekerja Sambilan Harian
 - (c) **AGENSI** : Jabatan Akauntan Negara Malaysia
 - (d) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Sokongan
 - (e) **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan
 - (f) **TEMPAT KEKOSONGAN** : Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Johor
2. **KADAR UPAH PEKERJA SAMBILAN HARIAN** : RM 54.00 sehari

3. **SYARAT LANTIKAN :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peperiksaan tersebut;
atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (perakaunan) atau kelayakan yang setaraf dengannya yang diiktiraf oleh kerajaan;
atau
- (iv) Sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau penyimpan kira-jira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

dan

- (d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (e) berkebolehan bertutur Bahasa Mandarin dan Tamil akan diberi keutamaan.

4. CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah dengan menggunakan Borang JANM(K) 1/2008 yang boleh diperolehi dari pejabat ini di kaunter **Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Johor, Tingkat 8 Menara Tabung Haji, Jalan Ayer Molek, 80720 Johor Bahru** atau melalui Portal Rasmi Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Johor (www.anm.gov.my/index.php/utama-johor) .
- (b) Isi Borang JANM(K) 1/2008 dengan lengkap setelah meneliti panduan dalam borang berkenaan. Permohonan yang menggunakan borang selain dari JANM(K) 1/2008 akan ditolak.
- (c) Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan dengan gambar berukuran passport dan salinan sah dokumen-dokumen berikut :-
 - (a) Sijil Kelahiran;
 - (b) Kad Pengenalan
 - (c) Lain-lain Sijil / surat akuan berkaitan.

5. **ALAMAT PERMOHONAN**

Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat :

**PENGARAH NEGERI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI JOHOR
TINGKAT 8 &11, MENARA TABUNG HAJI
JALAN AYER MOLEK
80720 JOHOR BAHRU
JOHOR.**

6. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN : SEBELUM ATAU PADA 3 DISEMBER 2020**

7. **CATATAN AM**

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- (b) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas (3) bulan dari iklan ditutup adalah dianggap permohonan **TIDAK BERJAYA**.
- (c) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah dibawah tanggungan pemohon sendiri.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi’

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD NOR BIN MOHIDIN C.A.(M))

b/p Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Johor.